

# FIQH PEMBINAAN DAN REKA BENTUK MASJID SERTA PERBAHASAN BERKAITAN SOLAT BERJEMAAH

## 1.0 Mukaddimah

Masjid merupakan sebuah institusi yang sangat rapat dengan spiritual, emosi dan mempunyai nilai sentimental yang tinggi terhadap umat Islam. Binaan masjid serta reka bentuknya mengalami perubahan, revolusi dan penyerapan budaya yang pelbagai sesuai dengan adaptasi zaman dan masyarakat setempat. Justeru, setiap falsafah binaan dan reka bentuknya akan menatijahkan makna tersurat dan tersirat yang berbeza-beza. Binaan serta reka bentuk masjid sedikit sebanyak turut memberi kesan yang berkaitan dengan hal-ehwal solat berjemaah.

Definisi masjid dari sudut bahasa: [mas.jid] Bangunan khas tempat umat Islam melakukan solat Jumaat dan ibadah-ibadah lain.<sup>1</sup> Definisi masjid dari sudut istilah dan 'urf: tempat yang disediakan bagi mengerjakan sembahyang untuk selama-lamanya.<sup>2</sup>

Firman Allah S.W.T. dalam Surah At-Taubah, ayat 18:

إِنَّمَا يَعْمُرُ مَسَاجِدَ اللَّهِ مَنْ ءَامَنَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَأَقَامَ الصَّلَاةَ وَءَاتَى الزَّكَاةَ وَلَمْ يَخْشَ إِلَّا اللَّهَ  
فَعَسَىٰ أَوْلَاكَ أَنْ يَكُونُوا مِنَ الْمُهْتَدِينَ ﴿١٨﴾

Ertinya: "Hanyasanya yang layak memakmurkan (menghidupkan) masjid-masjid Allah itu ialah orang-orang yang beriman kepada Allah dan hari akhirat serta mendirikan sembahyang dan menunaikan zakat dan tidak takut melainkan kepada Allah, (dengan adanya sifat-sifat yang tersebut) maka adalah diharapkan mereka menjadi dari golongan yang mendapat petunjuk."

## 2.0 Objektif

Kertas kajian ini bertujuan bagi membincangkan berkaitan dengan hukum-hakam fiqh dalam pembinaan masjid dan perbincangan reka bentuk masjid yang sesuai dengan panduan dan pedoman syarak serta perkaitannya dengan perbincangan hukum-hakam solat berjemaah.

---

<sup>1</sup> Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kamus Dewan Edisi Keempat, <https://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=masjid>

<sup>2</sup> Mu'jam Lughat Al-Fuqaha, halaman 428

Kerta kajian ini juga bertujuan untuk membincangkan isu kontemporari berkaitan masjid dan solat berjemaah serta memberi saranan untuk pembinaan masjid yang mematuhi syarak dan memenuhi keperluan semasa.

### 3.0 Kelebihan Membina Masjid

#### 3.1 Sedekah yang berpanjangan

Masjid merupakan bangunan yang diwakafkan kepada agama dan jalan Allah untuk kegunaan selama-lamanya bagi umat Islam, maka termasuk dalam kategori sedekah yang berpanjangan.

Sabda Rasulullah S.A.W.<sup>3</sup>:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ، أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: إِذَا مَاتَ الْإِنْسَانُ انْقَطَعَ عَنْهُ عَمَلُهُ إِلَّا مِنْ ثَلَاثَةٍ؛ إِلَّا مِنْ صَدَقَةٍ جَارِيَةٍ، أَوْ عِلْمٍ يُنْتَفَعُ بِهِ، أَوْ وَلَدٍ صَالِحٍ يَدْعُو لَهُ

Ertinya: Diriwayatkan daripada Abu Hurairah R.A., bahawa Rasulullah S.A.W. bersabda: Apabila mati seorang insan, maka terputuslah segala amalannya, kecuali daripada tiga perkara; sedekah jariah yang berpanjangan manfaatnya, atau ilmu bermanfaat yang diajarkannya (pada orang lain), atau doa anak yang soleh yang mendoakannya." (Riwayat Muslim).

#### 3.2 Menerima ganjaran mahligai kediaman yang seumpamanya di syurga kelak

Sabda Rasulullah S.A.W.<sup>4</sup>:

عَنْ مُحَمَّدِ بْنِ لَبِيدٍ أَنَّ عُمَانَ بْنَ عَفَّانَ أَرَادَ بِنَاءَ الْمَسْجِدِ، فَكَّرَهُ النَّاسُ ذَلِكَ فَأَحْبَبُوا أَنْ يَدَعُهُ عَلَى هَيْئَتِهِ، فَقَالَ: سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ: " مَنْ بَنَى مَسْجِدًا لِلَّهِ بَنَى اللَّهُ لَهُ فِي الْجَنَّةِ مِثْلَهُ

<sup>3</sup> Sahih Muslim, Jilid 5, Halaman 73, No. Hadis: 1631

<sup>4</sup> Sahih Muslim, Jilid 2, Halaman 68, No.Hadis: 533

Ertinya: "Diriwayatkan daripada Mahmud bin Labit bahawa Uthman bin Affan mahu mengubah suai masjid Nabi tetapi orang ramai tidak suka akan perkara tersebut kerana mereka lebih suka supaya beliau membiarkannya seperti keadaannya yang asal. Lalu Uthman berkata, 'Saya pernah mendengar Rasulullah SAW bersabda: Sesiapa yang membina masjid kerana Allah, nescaya Allah membina baginya mahligai yang seumpamanya di dalam syurga.'" (Riwayat Muslim)

#### 4.0 Larangan Bermegahan Dengan Binaan Masjid

Rasulullah S.A.W. telah menyampaikan kepada kita akan tanda-tanda kiamat dan bermegahan dengan binaan masjid adalah termasuk dalam tanda-tanda kiamat berdasarkan kepada sebuah hadis yang sahih daripada Rasulullah S.A.W.<sup>5</sup>:

لَا تَقُومُ السَّاعَةُ حَتَّى يَتَبَاهَى النَّاسُ فِي الْمَسَاجِدِ

Ertinya: "Tidak akan berlaku kiamat sehingga manusia bermegahan-megah dengan masjid-masjid." (Riwayat Abu Dawud)

Hadis ini menunjukkan manusia akan bermegahan-megah dengan pembinaannya iaitu masing-masing akan berbangga dengan masjidnya dengan menyatakan masjidku lebih tinggi, lebih cantik, lebih luas, lebih baik dengan riyak, sum'ah (suka didengari) serta mencari pujian. Bermegahan dengan masjid yang telah dibina banyak berlaku pada zaman ini.<sup>6</sup>

#### 5.0 Pembinaan Masjid Menggunakan Wang Haram

Wang haram ialah wang yang diperolehi daripada sumber yang diharamkan oleh syarak, seperti hasil riba, perjudian, pelacuran, jual beli dadah dan penipuan. Hukum asal penggunaan wang haram ini adalah tidak dibenarkan oleh syarak.

Al-Imam An-Nawawi Rhm. memberikan komentar dengan menyatakan harta haram tidak boleh dibuang dan disia-siakan begitu sahaja, sepertimana yang dinukilkan<sup>7</sup>:

---

<sup>5</sup> Sunan Abi Dawud, Jilid 1, Halaman 223, No. Hadis 449

<sup>6</sup> 'Aun Al-Ma'bud Syarah Sunan Abi Dawud, Abu 'Abdur Rahman syaraf Al-Haq Abadi, Jilid 2, Halaman 84

<sup>7</sup> Al-Majmu' Syarah Al-Muhazzab, Al-Imam An-Nawawi (676H), Jilid 9, Halaman 351

لَا يَجُوزُ إِتْلَافُ هَذَا الْمَالِ وَرَمْيُهُ فِي الْبَحْرِ فَامَّ يَبْقَى إِلَّا صَرْفُهُ فِي مَصَالِحِ الْمُسْلِمِينَ

Ertinya: "Kerana tidak boleh memusnahkan harta dan membuangnya ke laut, maka tidak ada jalan melainkan menyalurkan kepada maslahat orang Islam."

Sabda Rasulullah S.A.W:

إِنَّ اللَّهَ كَرِهَ لَكُمْ ثَلَاثًا : قِيلَ وَقَالَ ، وَإِضَاعَةَ الْمَالِ ، وَكَثْرَةَ السُّؤَالِ

"Sesungguhnya Allah S.W.T. membenci kamu melakukan tiga perkara: banyak berkata (menyebarkan gosip dan khabar angin), mensia-siakan harta dan banyak bertanya.<sup>8</sup>"

Al-Imam Al-Ghazali Rhm. menyatakan bahawa wang yang diperoleh dengan cara yang haram hanya haram kepada orang yang memiliki wang haram itu sahaja, namun tidak haram kepada pihak yang menerimanya, sepertimana dinukilkan<sup>9</sup>:

قَالَ الْغَزَالِيُّ إِذَا كَانَ مَعَهُ مَالٌ حَرَامٌ وَأَرَادَ التَّوْبَةَ وَالْبِرَاءَةَ مِنْهُ فَإِنْ كَانَ لَهُ مَالٌ مُعَيَّنٌ وَجَبَ صَرْفُهُ إِلَيْهِ أَوْ إِلَى وَكِيلِهِ فَإِنْ كَانَ مَيِّتًا وَجَبَ دَفْعُهُ إِلَى وَارِثِهِ وَإِنْ كَانَ لِمَالِكٍ لَا يَعْرِفُهُ وَيَبْسُ مِنْ مَعْرِفَتِهِ فَيَنْبَغِي أَنْ يَصْرَفَهُ فِي مَصَالِحِ الْمُسْلِمِينَ الْعَامَّةِ كَالْقَنَاطِرِ وَالرُّبْطِ وَالْمَسَاجِدِ وَمَصَالِحِ طَرِيقِ مَكَّةَ وَنَحْوِ ذَلِكَ مِمَّا يَشْتَرِكُ الْمُسْلِمُونَ فِيهِ وَالْأَفْقَرُ عَلَيْهِ أَوْ فَقْرَاءٌ

Ertinya: "Al-Imam Al-Ghazali berkata: Apabila seseorang itu bersamanya harta yang haram dan dia ingin bertaubat dan membersihkan diri daripada harta yang haram, sekiranya harta itu mempunyai pemilik, maka wajib harta itu dikembalikan kepadanya atau wakilnya. Sekiranya pemilik itu mati, wajib diberikan kepada pewarisnya. Sekiranya harta itu mempunyai pemilik tetapi tidak diketahui pemiliknya dan tidak ada peluang untuk mendapatkan pemiliknya, maka wajib disalurkan kepada maslahat orang Islam seperti jambatan-jambatan di atas sungai, kem-kem para pejuang, masjid-masjid dan maslahat untuk jalan-jalan di Makkah dan seumpamanya yang menjadi perkongsian orang Islam terhadap tempat tersebut. Sekiranya tidak disalurkan kepada tempat-tempat tersebut, maka wajib disalurkan kepada fakir atau fuqara."

<sup>8</sup> Sahih Al-Bukhari, Jilid 2, Halaman 124, No. Hadis: 1477

<sup>9</sup> Al-Majmu' Syarah Al-Muhazzab, Al-Imam An-Nawawi (676H), Jilid 9, Halaman 351

Tuntasnya, syariat Islam yang mulia ini mempertimbangkan antara mudarat pembuangan harta haram dengan mudarat penggunaan harta haram, dengan menilai bahawa pembuangannya lebih merugikan daripada penggunaannya untuk masjid, badan-badan kebajikan dan golongan faqir. Kaedah ini bertepatan dengan kaedah ارتكاب أخف الضررين (mengambil mudarat yang lebih ringan).<sup>10</sup>

## 6.0 Hukum Membina Masjid Di Atas Atau Di Bawah Bangunan

Permasalahan berkaitan pembinaan masjid di atas atau di bawah bangunan banyak berlaku di Tanah Arab begitu juga segelintir yang berlaku di Malaysia seperti di bangunan perumahan, pusat perniagaan mahupun bangunan awam, dan hal ini seringkali menjadi perbincangan. Isu ini juga mengambil kira masalah dan kepentingan umat Islam bagi mendapatkan akses penggunaan masjid dengan lebih mudah, sepertimana yang berlaku di KLIA dan beberapa buah stesen bas di beberapa buah negeri. Dinukilkan dalam Kitab Al-Mausu'ah Al-Fiqhiyyah Al-Kuwaitiyyah<sup>11</sup>:

أَجَازَ الشَّافِعِيُّ وَالْمَالِكِيُّ وَالْحَنَابِلَةُ جَعَلَ عُلُو الدَّارِ مَسْجِدًا، دُونَ سُفْلِهَا، وَالْعَكْسُ؛ لِأَنَّهَا عَيْنَانِ يَجُوزُ  
وَقْفُهُمَا، فَجَازَ وَقْفَ أَحَدِهِمَا دُونَ الْآخَرِ، كَالْعَبْدَيْنِ<sup>12</sup>

“Diharuskan dalam kalangan ulama’ Syafiiyyah, Malikiyyah dan Hanabilah untuk menjadikan bahagian atas rumah sebagai masjid, bukan di bawahnya, begitu juga sebaliknya (diharuskan). Kerana kedua-duanya (bangunan atas dan bawah) adalah dua entiti yang boleh diwakafkan berasingan, maka diharuskan untuk mewakaf salah satunya tanpa yang lainnya.”

---

<sup>10</sup> Fiqah Pengurusan Masjid, Ustaz Fauwaz Fadzil Noor, Halaman 72

<sup>11</sup> Al-Mausu'ah Al-Fiqhiyyah Al-Kuwaitiyyah, Kementerian Wakaf dan Hal Ehwal Islam Kuwait, Jilid 12, Halaman 295

<sup>12</sup> Al-Muhazzab dalam fiqh Imam Al-Shafi'i 1/448, edisi Dar Al-Ma'rifah, dan Mawahib Al-Jalil kerana menjelaskan Mukhtasar Khalil 6/19, edisi Al-Najah, Libya, dan Al-Mughni oleh Ibn Qudamah 5/607, edisi Riyadh, dan Kashshaf Al-Qina' 4/241, edisi Al-Nasr Al-Hadithah.

## 7.0 Asas Piawaian Reka Bentuk Masjid<sup>13</sup>

### 7.1 Keluasan

- i. Ruang solat memerlukan kawasan yang luas, sesuai dengan anggaran purata kapasiti jumlah jemaah solat dan penduduk setempat.
- ii. Keluasan ruang solat perempuan adalah 5% daripada keluasan ruang solat lelaki.
- iii. Keluasan masjid bergantung kepada apa perkhidmatan yang disediakan, lokasi kedudukan masjid dan kapasiti Jemaah yang akan ditampung.
- iv. Keluasan masjid dan kemudahannya bergantung kepada jenisnya, sama ada surau, musolla, masjid, masjid jamek, masjid negeri mahupun masjid negara.

### 7.2 Unjuran Pelan Bangunan Masjid

- i. Utamakan dua pelan bangunan dalam reka bentuk masjid: segi empat tepat dan segi empat sama, di mana bahagian yang lebih besar adalah bahagian hadapan yang lebih dekat dengan arah kiblat, bagi memudahkan jemaah untuk berdiri dalam saf, jaraknya lebih pendek dan bilangan saf lebih sedikit.
- ii. Elakkan pelan bangunan berbentuk bulatan, segi lapan (*octagon*), *trapezoid* atau sebarang bentuk yang menyukarkan saf jemaah disusun menghadap arah kiblat dengan selesa dan teratur.
- iii. Minimalkan bilangan keberadaan tiang di ruang solat masjid sekiranya berkemungkinan, bagi mengutamakan saf yang tidak terputus.

### 7.3 Dimensi Masjid

- i. Ketinggian masjid ialah 1/3 daripada keluasan masjid.
- ii. Minimum 3 meter dan maksimum 8 meter.
- iii. Untuk mencapai keselesaan visual dan mewujudkan perasaan yang sesuai di dalam dewan solat.

### 7.4 Pintu Masuk Masjid

---

<sup>13</sup> Masjid dan Prinsip Reka Bentuknya - Siri Bangunan Keagamaan 2023 (Bahagian Pertama), Ditulis oleh: Arkitek Alaa Mohamed Abdel Ghani & Disemak dan Diterbitkan oleh: Arkitek Shaimaa Magdy, Mesir, <https://byarchlens.com/مباني-دينية-2023-تصميمها> mosque-design/

- i. Pintu masuk hendaklah disediakan dengan keluasan sekurang-kurangnya akses keluar masuk bagi 300 jemaah dengan anggaran kelebaran 3 meter supaya tidak bersejajaran dan proses keluar masuk masjid menjadi lebih mudah terutamanya jika berlaku kecemasan, sebagai contoh berlaku kebakaran.
- ii. Pintu masuk hendaklah berada pada mana-mana daripada tiga dinding selain daripada dinding kiblat dan diutamakan berada di bahagian belakang. Utamakan juga mewujudkan pintu pada suku pertama dari dua dinding sisi supaya tidak mengganggu dan bertentangan dengan jemaah yang sedang beribadat.
- iii. Elakkan pintu keluar masuk masjid menghadap kejiranan bagi menjaga privasi.
- iv. Lebar kesemua pintu keluar dan masuk hendaklah tidak kurang daripada 1.5 meter.
- v. Daun pintu dibuka ke luar bagi memudahkan pembukaan pintu.
- vi. Disarankan penggunaan pintu *sliding door* bagi langkah penjimatan ruang yang lebih efisien.

## 7.5 Tingkap Masjid

- i. Ketinggian bingkai tingkap tidak boleh kurang daripada 1 meter dari paras lantai supaya tidak mengganggu jemaah yang sedang beribadat.
- ii. Pengagihan kedudukan tingkap secara seragam di dalam masjid, dan pastikan 20% daripada kawasan tingkap boleh dibuka untuk pengudaraan.
- iii. Bagi ruang solat wanita, tingkap hendaklah lebih tinggi, gelap dan tidak telus.

## 7.6 Komponen Masjid

### 7.6.1 Dewan Solat Utama

- i. Bahagian utama masjid: Solat dan khutbah diadakan, termasuk kuliah-kuliah. Bahagian yang berbumbung dan kebiasaan bahagian atas tengahnya terdapat kubah, berbentuk segi empat tepat, dengan sisi terbesarnya menghadap kiblat.
- ii. Disarankan pihak masjid membuat ketetapan bersama dalam penentuan sempadan yang diisytiharkan sebagai batas masjid dan bukan masjid.

### 7.6.2 Serambi

- i. Terdiri daripada serambi di sisi halaman (kiri, kanan atau sekeliling), selain daripada dinding pintu masuk.

- ii. Ruang legar yang mempunyai pelbagai guna dan kebiasaannya tidak diisytiharkan sebagai batas suci masjid.

### **7.6.3 Menara**

- i. Digunakan untuk melaungkan azan melalui pembesar suara. Semakin tinggi menara, semakin luas capaian seruan azan kepada para jemaah.
- ii. Menara mempunyai banyak bentuk dan bahan binaan yang berbeza mengikut negara masing-masing. Bilangan Menara juga bergantung kepada keluasan, penggunaan dan kesesuaian sesebuah masjid.
- iii. Adalah disarankan untuk menimbang tara antara kos pembuatan serta utiliti dan manfaat menara bagi sesuatu kawasan disamping penerapan unsur nusantara.

### **7.6.4 Mihrab**

- i. Mihrab direka untuk mengetahui arah kiblat dan direka berongga di bahagian dinding yang menghadap kiblat dan kebiasaannya berbentuk separuh bulatan atau poligon supaya bentuknya bersesuaian dengan imam.
- ii. Mihrab juga membantu menguatkan suara imam dengan gelombang suara yang terhasil. Adalah disarankan untuk menyediakan material dinding kiblat yang lebih keras yang berbeza dengan material daripada dinding yang lain.

### **7.6.5 Mimbar**

- i. Salah satu unsur masjid yang bertujuan bagi imam berdiri untuk menyampaikan khutbah. Mimbar kebiasaannya lebih tinggi dan mempunyai beberapa anak tangga supaya imam dapat berada di tempat lebih tinggi dan siding jemaah dapat melihat imam dengan lebih jelas.
- ii. Adalah disarankan untuk mengelakkan struktur pembinaan mimbar serta tangganya yang tidak praktikal seperti tangga di bahagian hadapan mimbar yang memutuskan saf para jemaah.

### **7.6.6 Tandas**

- i. Disunatkan untuk dibina bangunan yang berasingan dengan masjid sekiranya berkemampuan dan keadaan mengizinkan.

- ii. Adabnya pembinaan tandas dengan tidak menghadap ke arah qiblat.
- iii. Mempunyai pengudaran yang baik
- iv. Penggunaan bahan kemasan yang diperbuat daripada kerikil, marmar atau seramik yang tidak licin dan mudah dibersihkan.

#### **7.6.7 Tempat Wuduk**

- i. Mudah diakses daripada ruang solat
- ii. Mempunyai pengudaraan yang baik
- iii. Penggunaan bahan kemasan yang diperbuat daripada kerikil, marmar atau seramik yang tidak licin dan mudah dibersihkan.
- iv. Sebaiknya pembinaan tempat wuduk dengan menghadap arah kiblat.

#### **7.7 Cadangan Kajian Susulan**

- i. Penyelarasan seni bina masjid yang berunsurkan Nusantara, terutamanya ketetapan seni bina kubah atau atap serta menara yang sesuai dengan iklim khatulistiwa yang panas dan hujan sepanjang tahun.
- ii. Mengambil kira pertimbangan manfaat alam sekitar seperti:
  - Mengoptimumkan penggunaan solar.
  - Mengutamakan pengudaraan yang baik.
  - Mengaplikasi kaedah penggunaan semula air hujan.
  - Mengaplikasi kaedah penggunaan semula air lebihan wuduk.
- iii. Kaedah penggunaan kerusi jemaah uzur yang menepati syariah dan fiqh solat berjemaah.

#### **8.0 Kesimpulan**

- i. Masjid merupakan rumah Allah yang suci yang mempunyai Batasan kesuciannya serta adab-adabnya.
- ii. Masjid juga merupakan pusat hentian tumpuan utama dalam sesebuah komuniti sosial masyarakat.
- iii. Reka bentuk masjid mesti dalam kerangka membawa imej agama Islam dan menjulang syiar agama Islam.
- iv. Pengaturcaraan pelan masjid dengan betul dan teratur akan memudahkan para jemaah beribadah dengan lebih baik dan selesa.

## Rujukan

1. Al-Qur'an Al-Karim
2. Sahih Al-Bukhari, Sahih Al-Bukhari (Al-Jami' As-Sahih), Abu Abdullah Muhammad Bin Ismail (256H), Dar Tawq An-Najah, Beirut, Lubnan, 2001
3. Sahih Muslim, Al-Imam Muslim, Abu Al-Husain Muslim Ibni Al-Hajaj Qushayri Al-Naisaburi (261H), Darul Minhaj - Jeddah, Kerajaan Arab Saudi, 2013
4. Sunan Abi Daud, Al-Imam Abu Daud, Sulaiman Bin Al-Asy'ath As-Sajistani (275H), Darul Qiblah, Jeddah, Kerajaan Arab Saudi, 1998
5. Al-Majmu' Syarah Al-Muhazzab, Al-Imam Muhyiddin Syaraf An-Nawawi (676H), Idarah At-Tiba'ah Al-Muniriyyah, Kaherah, 1348H
6. Al-Mausu'ah Al-Fiqhiyyah Al-Kuwaitiyyah, Himpunan Pengarang, Kementerian Wakaf dan Hal Ehwal Islam Kuwait, 1427H
7. Fatawa Al-Lajnah Ad-Daimah Lil Buhus Al-'Ilmiyyah Wal Ifta', Dar al-Muayyad -0 Riyadh, 2008
8. 'Aun Al-Ma'bud Syarah Sunan Abi Dawud, Abu 'Abdur Rahman syaraf Al-Haq Abadi, Darul Fayhaa – Dimasyq, 2013
9. Fiqah Pengurusan Masjid, Ustaz Fauwaz Fadzil Noor, Jabatan Agama Islam Perak (JAIPK), 2023
10. Mu'jam Lughat Al-Fuqaha
11. Masjid dan Prinsip Reka Bentuknya - Siri Bangunan Keagamaan 2023 (Bahagian Pertama), Ditulis oleh: Arkitek Alaa Mohamed Abdel Ghani & Disemak dan Diterbitkan oleh: Arkitek Shaimaa Magdy, Mesir, <https://byarchlens.com/-2023-المساجد-وأسس-تصميمها>  
<https://www.mosque-design.com/>مباني-دينية
12. Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kamus Dewan Edisi Keempat, <https://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=masjid>
13. <https://www.muftiwp.gov.my/ms/artikel/irsyad-al-hadith/3611-irsyad-al-hadith-siri-ke-400-bermegah-dengan-pembinaan-masjid>